



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	23/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 28
JABATAN	:	JPNP		

# 12,295 pokok hutan ganti durian

UM, 23 Jul  
2021 28

**RAUB:** Lebih 12,295 pelbagai spesies pokok hutan ditanam sehingga 19 Julai lalu di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam di sini yang dijadikan kebun durian musang king secara haram.

Kawasan ceroboh seluas lebih 101 hektar (ha) itu akan ditanam dengan kira-kira 20,000 pokok hutan selepas kerja menebang 15,000 pokok durian musang king 'haram' di situ selesai pada 12 Julai lalu.

Pokok hutan yang ditanam di situ antaranya merawan, meranti, balau, keruing, sentul tampoi dan pokok-pokok nadir.

Difahamkan, pokok hutan berkenaan ditanam membatik lebih 100 kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan aktiviti menanam dibahagikan kepada beberapa kumpulan.

Tanah yang berbaja dan lembut di kawasan bekas kebun 'haram' durian *Musang King* tersebut melancarkan lagi kerja menanam walaupun terpaksa memindahkan pokok ke kawasan berbukit.

Operasi menebang pokok

durian musang king di HSK Batu Talam seluas 101 ha dimulakan pada 2 Julai lalu dan dijangka siap pada 3 Ogos ini.

Walaupun pada mulanya operasi menerima provokasi melampau dipercayai daripada pekebun durian namun operasi kembali lancar selepas Pasukan Gerakan Am (PGA) mula melakukan kawalan pada 5 Julai lalu.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah Raub, Shahril Mohamad sebelum ini dilaporkan berkata, operasi memusnahkan pokok musang king di kawasan seluas 101 ha itu bertujuan mengekalkan kawasan tadahan air yang membabitkan sumber air kepada penduduk.

Shahril memberitahu, HSK Batu Talam seluas 62,070 ha telah diwartakan sebagai kawasan hutan tadahan air pada 2002.

HSK Batu Talam membekalkan air kepada Sungai Sempam yang mengalir bertemu Sungai Liang dan membentuk Sungai Semantan dan sumber air sungai berkenaan diproses di Loji Semantan untuk kegunaan pengguna.



**KAKITANGAN JPNP** giat menanam pokok hutan pelbagai spesies di kawasan bekas kebun haram *Musang King* di HSK Batu Talam di Raub, Pahang.

